



Jabatan  
**KEBAJIKAN**  
Masyarakat



## SIARAN MEDIA

### **KEMBARA KEBAJIKAN 1MALAYSIA (KK1M) PERKUKUH PROGRAM DEKATI MASYARAKAT**

**BAGAN DATOH, 10 Apr** – Program Cari dan Bantu (*Search & Serve*) yang dijalankan melalui Kembara Kebajikan 1 Malaysia (KK1M) telah berjaya mengesan hampir 3,000 klien baharu yang memerlukan perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Program ini dijalankan dengan menggerakkan seluruh jentera hasil kerjasama setempat seperti Penghulu, JKKK dan Sukarelawan JKM untuk mencari dan mengenalpasti klien yang layak menerima bantuan.

Mekanisme ini penting bagi memastikan golongan yang memerlukan tidak tercicir daripada mendapat bantuan dan perkhidmatan daripada kerajaan.

Sehubungan dengan itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim menyeru agar program seperti ini mendapat penglibatan menyeluruh pemimpin-pemimpin masyarakat, sukarelawan dan pihak swasta dalam memberi perkhidmatan kepada golongan sasar Jabatan.

"Semangat kesukarelaan dan semangat tolong-menolong di kalangan masyarakat seperti yang diterapkan dalam program kembara ini perlu diperluaskan lagi agar lebih ramai kumpulan sasar dapat dibantu," katanya kepada pihak media selepas upacara perasmian penutup Program Kembara Kebajikan 1Malaysia (KK1M) yang dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato'Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi di sini hari ini.

Program KK1M diadakan bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan berteraskan *outreach programme* kepada masyarakat terutamanya yang tinggal jauh di pedalaman dan sukar mendapat akses kepada pelbagai maklumat.

Kawasan Bagan Datoh merupakan lokasi akhir Program KK1M pada hari ini. Sebelum ini program jelajah di peringkat negeri sebagai *check point flag off* di seluruh Malaysia ini telah dirasmikan oleh YAB Tan Sri Datuk Amar Haji Adenan Haji Satem, Ketua Menteri Sarawak di Kompleks Sukan Lundu, Sarawak pada 11 Mac 2016 dengan pengisian yang sama.

Antara pengisian program ialah menjalankan aktiviti bergotong royong dan mengunjungi rumah klien melalui Program *Home Help*, Program Gema Kasih@Komuniti yang berkonsepkan mini karnival perkhidmatan secara *one stop centre*, mengadakan perkhidmatan *Mobile Community Transformation Centre* (CTC), pemeriksaan kesihatan dan pergigian percuma, pameran kerjaya, pendaftaran OKU dan sukarelawan serta perkhidmatan kaunseling.

Pada masa yang sama, Rohani turut melahirkan kebimbangannya terhadap sukarelawan kebajikan sedia ada yang masih tidak mencukupi untuk menampung jumlah klien yang diperolehi semasa jelajah diadakan. Ironinya, sepanjang KK1M dijalankan, hanya lebih kurang 1,000 sahaja sukarelawan yang berjaya didaftarkan.

“Jumlah ini memang tidak mencukupi bagi membantu Jabatan dalam memberi perkhidmatan kepada golongan sasarannya. Bagi menampung keperluan tersebut, pihak kami memerlukan lebih ramai lagi sukarelawan,” ujar beliau sambil menegaskan antara tugas sukarelawan ini ialah menyediakan makan minum, membersihkan tempat tinggal, membeli keperluan harian, membawa ke hospital atau klinik dan menemani ke tempat beribadat.

Bagi yang berminat untuk mendaftar, bolehlah ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berhampiran atau layari laman web rasmi JKM di [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my).

Program hari ini turut dihadiri oleh YAB Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato’ Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir, Menteri Besar Perak, Exco-Exco Kerajaan Negeri, YBhg Dato’ Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWK dan YBhg Dato’ Zulkiply Ramli, Ketua Pegarah Kebajikan Masyarakat.

####

Disediakan oleh : Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Aras 6, 9-18, No. 55  
Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 Putrajaya  
No.Telefon : 019-233 3110 (Haneem) 019-216 4013 (Ain),  
Tarikh dikeluarkan : 10 April 2016